

DBKL selamatkan 73 gelandangan

KUALA LUMPUR – Seramai 73 gelandangan termasuk enam warga asing telah diselamatkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam satu operasi menyelamat sekitar ibu negara kelmarin.

Operasi tersebut dijalankan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Pertahanan Awam (APM), Yayasan Kebajikan Negara (YKN), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JKWP) dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK).

DBKL dalam satu kenyataan semalam memaklumkan, seramai

73 gelandangan telah diselamatkan dan daripada jumlah itu seramai 67 orang adalah warga tempatan, manakala enam lagi adalah warga asing.

“Kesemua sahabat jalanan yang diselamatkan ini telah dibuat ujian saringan kesihatan Covid-19 oleh pihak Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar DBKL dan saringan air kencing oleh AADK,” katanya dalam Facebooknya semalam.

Tambah kenyataan itu, kesemua gelandangan tersebut kemudian dibawa ke Pusat Transit Gelandangan, Jalan Pahang untuk proses dokumentasi dan tindakan lanjut oleh pihak yang berkaitan.



UJIAN saringan kesihatan dan Covid-19 dibuat ke atas semua gelandangan yang diselamatkan DBKL kelmarin.